



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KOMUNIKASI INTERPERSONAL SEBAGAI PENGANTARA DALAM
HUBUNGAN PENGGUNAAN MEDIA MASSA DENGAN MOTIVASI
MENJALANI UJIAN CALITAN KANSER SERVIKS***

SOO SHEY SAN

FBMK 2016 45



**KOMUNIKASI INTERPERSONAL SEBAGAI PENGANTARA DALAM
HUBUNGAN PENGGUNAAN MEDIA MASSA DENGAN MOTIVASI
MENJALANI UJIAN CALITAN KANSER SERVIKS**

**Oleh
SOO SHEY SAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah Komunikasi

**KOMUNIKASI INTERPERSONAL SEBAGAI PENGANTARA DALAM
HUBUNGAN PENGGUNAAN MEDIA MASSA DENGAN MOTIVASI
MENJALANI UJIAN CALITAN KANSER SERVIKS**

Oleh

SOO SHEY SAN

April 2016

Pengerusi: Prof. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kanser jarang diperbualkan dalam kalangan rakyat Malaysia walaupun mereka menyedari bahawa kanser merupakan penyakit utama yang boleh menyebabkan kematian. Malahan, ujian calitan juga masih tidak dibincangkan secara terbuka terutamanya dalam kalangan orang Melayu yang menetap di kawasan luar bandar kerana ujian calitan dianggap sebagai tajuk perbualan yang sensitif. Hal ini bertambah serius apabila jururawat muda yang belum berkahwin yang berkhidmat di Klinik Desa juga berasa malu untuk membincangkan ujian calitan dengan pesakit luar bandar.

Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat mengenai kanser serviks sebagai faktor pengantara dalam hubungan penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Reka bentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang berstruktur ditadbir sendiri oleh penyelidik.

Pengedaran borang soal selidik dijalankan di empat buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Botanik mewakili daerah Klang, Klinik Kesihatan Seri Kembangan mewakili daerah Petaling, Klinik Kesihatan Jenjarom mewakili daerah Kuala Langat dan Klinik Kesihatan Dengkil mewakili daerah Sepang. Kajian melibatkan 476 orang responden wanita berumur antara 20 hingga 65 tahun yang diminta mengisi borang soal selidik sewaktu mereka sedang menunggu giliran masing-masing untuk mendapatkan rawatan di empat buah klinik kesihatan yang terpilih. Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 22.0.

Hasil kajian mendapati tahap kepercayaan terhadap sumber interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks adalah tinggi dibandingkan dengan tahap penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks. Kajian ini mengesahkan perkaitan antara persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Kajian turut mengesahkan perkaitan penggunaan komunikasi interpersonal sebagai faktor pengantara untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks dalam hubungan penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Oleh itu, penyampaian maklumat dengan menggunakan pendekatan komunikasi secara interpersonal haruslah lebih kerap

digunakan dalam penyebaran maklumat berkaitan dengan kanser serviks dan ujian calitan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy in Communication

**INTERPERSONAL COMMUNICATION AS A MEDIATOR BETWEEN THE
USE OF MASS MEDIA AND THE MOTIVATION TO CONDUCT A
CERVICAL CANCER PAP SMEAR TEST**

By

SOO SHEY SAN

April 2016

**Chair : Prof. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication**

Cancer is a less discussed topic among Malaysians despite the fact that they know it is one of the main disease that could lead to death. Papanicolaou test (Pap Smear test) has still not been openly discussed, especially among the Malays living in the rural areas as this test is thought to be a sensitive topic to discuss. This issue becomes even worse when single young nurses serving patients at the Rural Clinics also find it embarrassing to discuss the Pap Smear test with their patients.

Therefore, this study was aimed at identifying the roles of using interpersonal communication in collecting information on cervix cancer as a mediating factor between the use of the mass media and the motivation to conduct a Pap Smear test. A cross-sectional survey design using a self-administered questionnaire was employed.

The questionnaire forms were distributed at four health clinics namely Bandar Botanic Health Clinic representing Klang district, Seri Kembangan Health Clinic representing Petaling district, Jenjarom Health Clinic representing Kuala Langat district, and Dengkil Health Clinic representing Sepang district. The study involved 476 female respondents of 20 to 65 years old who were invited to complete the questionnaire while waiting for their turn for treatment at the four above mentioned health clinics. Data analysis was conducted using SPSS version 22.0 computer software.

The study found that the level of confidence towards the interpersonal source in collecting the information on cervix cancer was higher compared to the level of trust towards interpersonal source. This study also verified the relationship between women's perceptions towards cervical cancer, Pap Smear test and motivation to conduct Pap Smear test. Besides that, findings also confirmed the mediating role of interpersonal communication in collecting information on cervix cancer between the use of mass media and the motivation to carry out Pap Smear test. This study concludes that the interpersonal communication approach should be used more frequently in disseminating the information related to cervix cancer and Pap Smear test.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis. Saya amat menghargai kesabaran Prof. Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad yang sentiasa dapat meluangkan masa yang emas untuk memberikan bimbingan dengan penuh dedikasi dan nasihat yang baik dan bernas. Dr. Hamisah binti Hasan dan Dr. Rosya Izyanie binti Shamshudeen yang sentiasa menyumbang idea yang pelbagai, memberi kritikan yang kritis dan memberi motivasi kepada saya untuk melengkapkan tesis ini dengan penuh keyakinan dan sempurna.

Selain itu, ucapan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Jusang bin Bolong yang sedia membantu dan memberi tunjuk ajar dalam bahagian analisis data. Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kepada pihak yang memberikan tanjaan biasiswa MyBrain15 dan Geran Putra-Inisiatif Putra Siswazah. Kepada Dr Ismawati Ismail yang merupakan pegawai Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan kakitangan klinik kesihatan di mana kajian ini dijalankan, saya amat terhutang budi atas kerjasama yang telah diberikan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga yang telah berada di sisi saya sepanjang penulisan tesis ini. Tanpa sokongan moral yang diberikan, saya tidak akan mendapat ketabahan dan keyakinan yang sepenuhnya untuk menghabiskan tesis ini. Galakkan dan pengorbanan yang telah diberikan akan dikenang selalu.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (26 April 2016) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi (Soo Shey San) bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Komunikasi interpersonal sebagai pengantara di antara penggunaan media massa dengan motivasi menjalankan ujian calitan kanser serviks” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hamisah binti Hasan, PhD

Dr.
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rosya Izyanie binti Shamshudeen, PhD

Dr.
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Che Su Mustaffa, PhD

Profesor
Universiti Utara Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Julai 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah (Doktor falsafah). Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hamisah binti Hasan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rosya Izyanie binti Shamshudeen, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau eletronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Soo Shey San GS33739

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakui bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____ Tandatangan: _____

Nama Pengerusi: Abdul Mua'ti @
Jawatankuasa Zamri, PhD
Penyeliaan

Nama Ahli: Hamisah binti
Jawatankuasa Hasan, PhD
Penyeliaan

Tandatangan: _____

Nama Ahli: Rosya Izyanie
Jawatankuasa binti
Penyeliaan Shamshudeen,
PhD

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1	PENGENALAN 1
1.1	Pendahuluan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 1
1.3	Penyataan Masalah 4
1.4	Persoalan Kajian 7
1.5	Objektif Kajian 8
1.5.1	Objektif Umum 8
1.5.2	Objektif Khusus 9
1.6	Kepentingan Kajian 8
1.7	Limitasi Kajian 10
1.8	Definisi Kata Kunci 11
1.8.1	Tingkah laku Mendapatkan Maklumat 11
1.8.2	Saluran Maklumat 11
1.8.3	Media Massa 12
1.8.4	Komunikasi interpersonal 12
1.8.5	Sumber Komunikasi Interpersonal 13
1.9	Rumusan 13
2	SOROTAN LITERATUR 14
2.1	Pendahuluan 14
2.2	Kanser Serviks 14
2.3	Ujian Calitan 17
2.4	Tingkah Laku Mendapatkan Maklumat 20
2.5	Komunikasi Interpersonal 25
2.6	Sumber Komunikasi Interpersonal 28
2.7	Kempen Komunikasi Kesihatan Kanser Serviks di Malaysia 34
2.8	Hasil Kajian Lalu 39
2.9	Teori-teori Berkaitan 42
2.9.1	Teori Saluran Pelengkap 42
2.9.2	Model Kepercayaan Kesihatan 45
2.10	Kerangka Kajian 49
2.11	Hipotesis 52
2.12	Rumusan 52

3	METODOLOGI	53
3.1	Pendahuluan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Lokasi dan Subjek Kajian	54
3.4	Populasi dan Prosedur Pensampelan	55
	3.4.1 Penentuan Jumlah Responden Kajian	56
	3.4.2 Pemilihan Responden Kajian	58
3.5	Instrumen Kajian	59
3.6	Operasi Pemboleh ubah	62
	3.6.1 Ciri Demografi Responden	62
	3.6.2 Taraf Kesihatan	62
	3.6.3 Ke kerap an Menjalani Ujian Calitan Penggunaan Media dan Pendedahan Terhadap Iklan Kanser Serviks	62
	3.6.4 Persepsi Terhadap Kanser Serviks dan Ujian Calitan	64
	3.6.5 Motivasi untuk Menjalani Ujian Calitan	65
	3.6.6 Penggunaan Media dan Pendedahan Terhadap Iklan Kanser Serviks	66
	3.6.7 Tahap Penggunaan Komunikasi Interpersonal untuk Mendapatkan Maklumat Tentang Kanser Serviks	66
	3.6.8 Tahap Kepercayaan Terhadap Sumber Komunikasi Interpersonal	67
3.7	Praujian	68
3.8	Kesahan dan Kesahihan Instrumen	71
3.9	Hasil Analisis Faktor	72
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	78
3.11	Analisis Data dan Kepentingan Statistik	79
3.12	Rumusan	82
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	83
4.1	Pendahuluan	83
4.2	Ciri-ciri Demografi	83
4.3	Taraf Kesihatan	85
4.4	Ke kerap an Menjalani Ujian Calitan	86
4.5	Hasil Kajian	87
	4.5.1 Persepsi Wanita Terhadap Kanser Serviks dan Ujian Calitan	87
	4.5.2 Tahap Penggunaan Media Massa	97
	4.5.3 Tahap Pendedahan Terhadap Iklan Kanser Serviks	100
	4.5.4 Tahap Penggunaan Komunikasi Interpersonal untuk Mendapatkan Maklumat tentang Kanser Serviks	103
	4.5.5 Tahap Kepercayaan Terhadap Sumber Komunikasi Interpersonal yang Digunakan dalam Proses Mendapatkan Maklumat Tentang Kanser Serviks	107

4.5.6	Perkaitan antara Persepsi Wanita Terhadap Kanser Serviks dan Ujian Calitan dengan Motivasi untuk Menjalani Ujian Calitan	110
4.5.7	Kesan Pengantaraan Penggunaan Komunikasi Interpersonal untuk Mendapatkan Maklumat Tentang Kanser Serviks Terhadap Perkaitan antara Penggunaan Media Massa dengan Motivasi untuk Menjalani Ujian Calitan	113
4.6	Perbincangan Perkaitan antara Teori dengan Hasil Kajian	116
4.7	Rumusan	118
5	KESIMPULAN	120
5.1	Pendahuluan	120
5.2	Ringkasan Kajian	120
5.3	Kesimpulan Kajian	124
5.4	Limitasi Kajian	126
5.5	Implikasi Kajian	127
5.5.1	Implikasi Teoritikal	127
5.5.2	Implikasi Metodologikal	128
5.5.3	Implikasi Praktikal	130
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	132
5.6.1	Aspek Teoretikal	132
5.6.2	Aspek Metodologi	136
5.7	Cadangan Amalan	137
5.8	Penutup	139
	RUJUKAN	140
	LAMPIRAN	156
	BIODATA PELAJAR	214
	SENARAI PENERBITAN	215

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Huraian Model Kepercayaan Kesihatan	48
3.1 Empat Buah Daerah Klinik Kesihatan Yang Terpilih Di Negeri Selangor	55
3.2 Empat Buah Cawangan Klinik Kesihatan Yang Terpilih Mengikut Daerah	56
3.3 Peratusan Pengedaran Dan Pengembalian Borang Soal Selidik Mengikut Daerah	58
3.4 Skala Skor Penggunaan Komunikasi Interpersonal	67
3.5 Skala Skor Kepercayaan Terhadap Sumber Komunikasi Interpersonal	68
3.6 Nilai Alfa Cronbach Untuk Praujian (n = 20)	69
3.7 Susun Atur Jadual Panduan Skala Likert Sebelum Pengubahsuaian	69
3.8 Susun Atur Jadual Panduan Skala Likert Selepas Pengubahsuaian	69
3.9 Nilai Alfa Cronbach Untuk Praujian Selepas Pengubahsuaian (n = 20)	70
3.10 Taburan Min Dan Sisihan Piawai Persepsi Wanita Terhadap Kanser Serviks Dan Ujian Calitan (n = 469)	73
3.11 KMO Dan Ujian Bartlett's	74
3.12 Nilai Eigen	75
3.13 Matriks Putaran Faktor	77
4.1 Taburan Kekerapan Dan Peratus Ciri-Ciri Demografi (n = 476)	84
4.2 Taburan Kekerapan Dan Peratus Taraf Kesihatan (n = 476)	85
4.3 Taburan Kekerapan Dan Peratus Dalam Menjalani Ujian Calitan (n = 476)	87
4.4 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Tanggapan Penghalang Menjalani Ujian Calitan (n = 476)	91
4.5 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Motivasi Untuk Menjalani Ujian Calitan (n = 476)	92
4.6 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Tanggapan Keseriusan Kanser Serviks (n = 476)	95
4.7 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Keperluan Menjalani Ujian Calitan (n = 476)	97
4.8 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Tanggapan Faedah Menjalani Ujian Calitan (n=476)	97
4.9 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tahap Penggunaan Media Massa (n = 476)	98
4.10 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tahap Penggunaan Media Cetak, Media Elektronik Dan Media Baharu (n = 476)	10
4.11 . Taburan Kekerapan Dan Peratus Tahap Pendedahan Terhadap Iklan Kanser Serviks Menerusi Media Massa (n = 476)	102
4.12 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tahap Pendedahan Terhadap Iklan Kanser Serviks Menerusi Media Cetak, Media Elektronik Dan Media Baharu (n = 476)	103

4.13	Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Penggunaan Komunikasi Interpersonal Untuk Mendapatkan Maklumat Tentang Kanser Serviks (n = 476)	105
4.14	Taburan Kekerapan Dan Peratus Penggunaan Komunikasi Interpersonal Terhadap Pengamal Kesihatan Profesional, Agensi Kesihatan Dan Rangkaian Sosial (n = 476)	106
4.15	Taburan Kekerapan Dan Peratus Tahap Penggunaan Komunikasi Interpersonal Secara Umum (n = 476)	106
4.16	Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Kepercayaan Terhadap Sumber Komunikasi Interpersonal Yang Digunakan Dalam Proses Mendapatkan Maklumat Tentang Kanser Serviks (n = 476)	108
4.17	Taburan Kekerapan Dan Peratus Tahap Kepercayaan Terhadap Pengamal Kesihatan Profesional, Agensi Kesihatan Dan Rangkaian Sosial (n = 476)	109
4.18	Taburan Kekerapan Dan Peratus Tahap Kepercayaan Terhadap Sumber Komunikasi Interpersonal Yang Digunakan Secara Umum (n = 476)	110
4.19	Taburan Pekali Beta Dan Nilai P Bagi Ujian Regresi Berganda Standard Antara Persepsi Wanita Terhadap Kanser Serviks Dan Ujian Calitan Dengan Motivasi Untuk Menjalani Ujian Calitan (n = 416)	113

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Model Mendapatkan Maklumat Ellis (1989)	22
2.2	Rangka ACME	36
2.3	Model Kepercayaan Kesihatan	46
2.4	Kerangka Konsep Kajian	51
4.1	Perkaitan Penggunaan Media Massa Dan Motivasi Untuk Menjalani Ujian Calitan	84
4.2	Perkaitan Penggunaan Komunikasi Interpersonal Untuk Mendapatkan Maklumat Kanser Serviks Ke Atas Penggunaan Media Massa Dan Motivasi Untuk Menjalani Ujian Calitan	115
5.1	Johnson's Teori Saluran Pelengkap	133
5.2	Teori Tingkah Laku Terancang	136

SENARAI SINGKATAN

ACME	Audience-Channel-Message-Evaluation
ACS	American Cancer Society
CaRE Malaysia	Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser
CMIS	Comprehensive Model of Information Seeking Model
EFA	<i>Exploratory factor analysis</i>
ESPN	<i>Entertainment and Sports Programming Network</i>
GSK	GlaxoSmithKline Pharmaceutical
HINTS	Health Information National Trends Survey
HIV/AIDS	Human Immunodeficiency Virus Infection / Acquired Immunodeficiency Syndrome
HPV	Human Papilloma Virus
IARC	International Agency for Research on Cancer
ICT	Teknologi maklumat dan komunikasi
Jawatankuasa Fatwa	Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
MKI	Agama Islam Malaysia
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia
JKNS	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
LPPKN	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara
MAKNA	National Cancer Council Malaysia
MREC	Medical Research & Ethics Committee
MSD	Merck Sharp and Dohme
NGO	Pertubuhan bukan kerajaan
NIH	Institut Kesihatan National/ National Institutes of Health (Malaysia)
OGSM	<i>Persatuan Obstetrik dan Ginekologi Malaysia/ Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia</i>
PPPLM	Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga Malaysia
POCC	<i>Power Over Cervical Cancer</i>
Ujian calitan	Papanicolaou test / Pap Smear test
UPM	Universiti Putra Malaysia
Yayasan CRSM	Crisis Relief Squad of Malaysian Chinese Association Foundation

© COPYRIGHT UPM



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Secara umumnya, bab ini mengandungi rangka kerja kajian ini secara keseluruhan. Bab ini memberi penjelasan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi kata kunci yang perlu diberikan perhatian oleh penyelidik agar dapat menyempurnakan dan menghasilkan kajian yang menepati objektif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kanser serviks ialah jenis kanser nombor dua yang paling kerap dihidapi dan juga jenis kanser yang berada pada nombor keempat dalam senarai penyakit yang paling kerap menyebabkan kematian dalam kalangan wanita di Malaysia (Rima Marhayu Abdul Rashid, Maznah Dahlui, Majdah Mohamed, & Dorota Gertig, 2013). Penyakit kanser serviks mencatatkan jumlah pesakit yang kedua tertinggi selepas kanser payudara dalam kalangan wanita di Malaysia. Hampir lima ratus ribu kes kanser serviks telah dikenal pasti pada tahun 2012 di seluruh dunia (Ferlay et al., 2013). Jumlah kes kanser serviks menyumbang kira-kira 12% kepada keseluruhan bilangan kes kanser dalam kalangan wanita Malaysia (Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia [Jawatankuasa Fatwa MKI], 2010).

Hal ini bertambah serius apabila jumlah kes kanser serviks yang dikenal pasti di Malaysia bukan sahaja tidak menunjukkan penurunan (Nor Hayati, Halimah Yahaya, & Zulkefi Sanip, 2006), malahan kes kanser serviks telah menunjukkan peningkatan kepada 454,000 kes pada tahun 2010 (Forouzanfars et al., 2011). Kes kanser serviks di Malaysia semakin meningkat selepas 35 tahun (Zainal Ariffin & Nor Saleha, 2012). Hampir 80% daripada jumlah tersebut atau bersamaan dengan 400,000 kes berlaku di negara sedang membangun dengan lebih daripada 270,000 kes kanser serviks yang mengakibatkan kematian setiap tahun ("HPV and cervical cancer", 2011).

Terdapat seramai 1,134 juta orang wanita berumur 15 tahun dan ke atas yang terdedah kepada risiko menghidapi kanser serviks (Bruni et al., 2014). Anggaran terdapat 1% wanita dalam populasi umum di Malaysia telah dijangkiti *Human Papilloma Virus* (HPV) dan jangkitan HPV menyumbang setinggi 88.6% kepada kanser serviks (Bruni et al., 2014). Kini, telah wujud suntikan vaksin HPV yang dapat mencegah jangkitan HPV iaitu punca utama kanser serviks yang juga menyumbang kepada 5% jenis kanser yang lain seperti kanser faraj, kanser zakar atau sesetengah kanser pada bahagian kepala dan leher (Persatuan Obstetrik dan Ginekologi Malaysia [OGSM], 2014).

Jumlah RM150 juta telah diperuntukkan bagi melancarkan Program Pelalian HPV yang dianjurkan oleh KKM sejak tahun 2010 untuk murid perempuan tingkatan satu di seluruh Malaysia dan remaja perempuan warganegara Malaysia berusia 13 tahun yang tidak bersekolah. Program Pelalian HPV bertujuan mengurangkan beban penyakit akibat kanser serviks dalam tempoh 20 tahun akan datang (Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM, 2011a).

Namun begitu, pengambilan suntikan vaksin HPV ini bukan bererti untuk menggantikan ujian calitan (*Papanicolaou test/ Pap Smear*) kerana mereka tetap perlu menjalani ujian calitan kerana vaksin HPV tidak dapat melindungi mereka daripada jangkitan HPV kronik sepenuhnya. Oleh itu, ujian calitan adalah satu-satunya cara yang dapat mengesan kanser serviks pada peringkat awal, manakala suntikan vaksin HPV adalah lebih disyorkan diberi kepada gadis remaja dalam lingkungan umur 10 hingga 25 tahun (American Cancer Society [ACS], 2011). Tambahan pula, kebanyakan negara termasuk Malaysia tidak akan mampu memberikan suntikan HPV bagi seluruh penduduk dalam lingkungan usia remaja (Nor Hayati Othman & Matejka Rebolj, 2009).

Ujian calitan dapat mengesan kanser serviks secara efektif pada peringkat awal dalam kalangan wanita sekiranya mereka menjalani ujian calitan secara konsisten kerana penyebaran sel yang tidak normal mengambil tempoh antara lima hingga 10 tahun untuk merebak dan menjadi kanser serviks (ACS, 2011). Laporan ACS (2011) menunjukkan wanita dalam lingkungan umur antara 35 hingga 50 tahun ialah golongan berisiko tinggi untuk menghadapi kanser serviks. Oleh yang demikian, wanita dalam lingkungan umur antara 35 hingga 50 tahun perlu menjalani ujian calitan ini sekurang-kurangnya sekali atau dua kali. Hal ini penting kerana sekiranya kanser serviks dikesan pada peringkat awal, pesakit dapat dipulihkan sepenuhnya dan peratusan kebarangkalian pesakit tersebut dapat memanjangkan tempoh hayat selama lima tahun adalah tinggi iaitu 91% (ACS, 2011).

Dengan wujudnya program saringan ujian calitan, kadar kematian akibat kanser serviks telah menurun dengan ketara di kebanyakan negara maju terutamanya bagi negara yang telah menyediakan perkhidmatan ujian calitan sejak 40 tahun yang lalu (Jha, Patel, Patel, & Patel, 2012). Statistik yang diperolehi daripada ACS (2011) daripada kajian-kajian di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Poland dan juga di benua Eropah mendapati bahawa ujian calitan dapat meningkatkan peratusan kebarangkalian untuk memanjangkan tempoh hayat pesakit sekurang-kurangnya lima tahun selepas kanser serviks dikenal pasti. Dengan wujudnya program pemeriksaan kanser yang menyeluruh, kes kematian akibat daripada kanser serviks telah menurun secara ketara di negara-negara barat. Oleh itu, kadar ujian calitan yang dilakukan oleh wanita di negara maju seperti contohnya di England dan Denmark adalah melebihi 80%.

Walaupun ujian calitan dapat mengesan kanser serviks di peringkat awal, akan tetapi ramai wanita masih tidak menjalani ujian calitan di Malaysia. Prosedur ujian calitan ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sejak tahun 1969 (Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM], 2011). Namun demikian, kadar wanita yang menjalani ujian calitan adalah masih rendah. Pada tahun 1992, liputan ujian calitan hanyalah 2%, diikuti dengan peningkatan yang sangat sedikit kepada 3.5% pada

tahun 1995 dan 6.2% pada tahun 1996 dan seterusnya kepada hanya 26% selepas lebih satu dekad kemudian pada tahun 2004 (Nor Hayati Othman et al., 2006). Walaupun ujian calitan ditawarkan secara percuma di klinik kesihatan di Malaysia, kadar liputan ujian calitan secara keseluruhan hanya mencapai 47% sahaja iaitu masih berada pada tahap yang rendah (Nor Hayati Othman & Matejka Rebolj, 2009).

Perbandingan yang dibuat dalam laporan oleh KKM (2011d) yang menunjukkan bahawa populasi wanita dalam lingkungan umur antara 20 hingga 65 tahun pada tahun 2008 adalah hampir tujuh juta dengan statistik berdasarkan kajian Zainal Ariffin dan Nor Saleha (2012) mendapati wanita yang menjalani ujian calitan bagi tahun 2008 hanyalah berjumlah hampir 400,000. Ini menggambarkan bahawa kesedaran wanita dalam menjalani ujian calitan di Malaysia masih di tahap yang membimbangkan kerana terdapat ramai lagi wanita yang tidak menjalani ujian calitan.

Kajian Berita Kesihatan di negara China menunjukkan 25% hingga 30% orang penghidap kanser berada pada tahap kritikal ketika kanser serviks berjaya dikesan. Sekiranya kanser serviks lambat dikesan, pesakit berkemungkinan besar berada pada tahap akhir kanser serviks yang mempunyai kadar pemulihan yang rendah iaitu 17%. Kegagalan wanita menjalani ujian calitan menyebabkan kanser serviks tidak dapat dikesan pada peringkat awal yang kemudiannya mengakibatkan kadar pemulihan yang rendah.

Perkara ini turut disahkan dalam laporan ACS (2011) yang menunjukkan bahawa kebanyakan kes kanser serviks tidak dapat dikesan pada peringkat awal kerana pesakit tidak menjalani ujian calitan secara berkala. Hal ini berlaku kerana wanita cenderung berpendapat dirinya sihat, maka tidak perlu menjalani ujian calitan (Siti Waringin Oon et al., 2011).

Secara ringkasnya, walaupun pengesanan kanser serviks pada peringkat awal dapat memanjangkan jangka hayat penghidap dengan adanya lebih banyak alternatif rawatan yang berkesan, akan tetapi statistik menunjukkan bahawa jumlah wanita yang menjalani ujian calitan secara konsisten adalah masih rendah, maka adalah wajar untuk satu kajian terhadap kanser serviks dijalankan kerana kes kanser serviks yang tinggi ini sebenarnya dapat dicegah menerusi kesedaran tentang vaksin HPV dan ujian calitan.

Tambahan pula, kanser serviks menjadi ancaman utama kepada wanita yang bukan sahaja mungkin menyebabkan kehilangan peluang untuk mengandung, bahkan mungkin meragut nyawa. Seramai 143,000 orang wanita yang meninggal dunia akibat kanser serviks di seluruh dunia ("HPV and cervical cancer", 2011) dan rekod oleh Jawatankuasa Fatwa MKI (2010) menunjukkan kemungkinan seorang wanita yang meninggal dunia bagi setiap minit di seluruh dunia dan satu kematian bagi setiap empat minit di Asia akibat kanser serviks. Terdapat kira-kira 2,145 orang wanita yang menghidapi kanser serviks dan 621 orang wanita yang meninggal dunia akibat kanser serviks di Malaysia pada setiap tahun (Bruni et al., 2014).

Di samping itu, kanser serviks akan membawa kesan negatif kepada penghidap kanser serviks dan ahli keluarganya sama ada secara langsung atau tidak langsung dari segi emosi dan fizikal. Kanser serviks juga membawa kesan negatif kepada aktiviti sosial. Sebagai contoh, penghidap kanser serviks akan mengalami gangguan emosi setelah disahkan menghidap kanser. Gangguan emosi yang kerap dihadapi oleh penghidap kanser serviks adalah seperti perasaan terkejut, menyalahkan diri sendiri dan cepat marah (Baze, Monk, & Herzog, 2008). Dari segi fizikal, pesakit kanser serviks akan berasa malu disebabkan ketidaksempurnaan tubuh badan terutamanya bagi pesakit kanser serviks yang telah menjalani pembedahan untuk membuang rahim (Baze et al., 2008; Nthabiseng Monesa, 2003). Dari segi sosial, pesakit akan mempunyai perasaan ketidakseimbangan sosial kerana kesukaran untuk kembali bekerja (Nthabiseng Monesa, 2003).

Ujian calitan telah dikenal pasti dapat mengurangkan kematian akibat kanser serviks tetapi masih ramai wanita yang tidak menjalani ujian calitan secara konsisten (Nelson, Moser, Gaffey, & Waldron, 2009). Wanita yang terdedah kepada maklumat tentang kanser serviks menerusi televisyen bukan sahaja tidak menyedari bahayanya penyakit ini dan risiko berkaitan dengan kanser serviks, malah mereka mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap kanser serviks kerana dibekalkan dengan maklumat yang bercanggah, tidak lengkap serta ditulis dalam bahasa yang terlalu teknikal oleh agensi-agensi tertentu seperti pusat kesihatan, farmasi ataupun maklumat yang disampaikan menerusi media massa (Varma, 2009). Malahan, wanita mungkin turut keliru dengan maklumat yang diperoleh daripada pakar perubatan (Zapka et al., 2004). Oleh itu, ramai wanita tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang kepentingan pengesanan awal kanser serviks (Wong et al., 2009).

1.3 Penyataan Masalah

Tingkah laku kesihatan (*health behavior*) bukan sahaja mungkin dipengaruhi oleh maklumat yang mereka dapati, tetapi juga dipengaruhi oleh maklumat yang sedia ada ketika mereka menggunakan pelbagai jenis media atau ketika berinteraksi dengan orang lain (Kelly et al., 2010). Teori Pendedahan Terpilih mengandaikan bahawa motivasi untuk memilih penggunaan saluran komunikasi tertentu untuk memenuhi keperluan dipengaruhi oleh rangsangan di sekeliling. Dengan kata lain, individu akan memilih kandungan media iaitu apa yang ingin dibaca, ditonton atau didengar berdasarkan keperluan mereka.

Selanjutnya, Hornik (2002) juga menyatakan bahawa tingkah laku kesihatan dipengaruhi oleh kempen komunikasi kesihatan dan juga melalui perbualan harian dengan orang lain. Namun begitu, kajian analisis kandungan oleh Anker, Reinhart, dan Feeley (2011) terhadap pangkalan data *PsychInfo* yang mempunyai lebih daripada tiga juta abstrak dalam bidang sains dan kesihatan menunjukkan bahawa tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kesihatan menerusi media massa meningkat sebanyak 22.6% antara tahun 2006 hingga tahun 2010 tetapi tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks menerusi komunikasi interpersonal adalah masih berada pada tahap yang rendah.

Kempen komunikasi kesihatan biasanya bertujuan membentuk kesedaran orang awam terhadap sesuatu terutamanya bagi mereka yang berada dalam situasi tidak pasti. Kajian Lemal dan Bulck (2010) mendapati bahawa wanita yang mempunyai tahap pendedahan yang rendah terhadap kanser serviks dua kali ganda lebih bimbang bahawa dirinya mungkin menghadapi kanser serviks, manakala bagi mereka yang mempunyai tahap pendedahan yang tinggi terhadap kanser serviks pula ialah tiga kali ganda. Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan maklumat tentang kanser serviks dapat mempengaruhi tahap kebimbangan mereka terhadap kanser serviks.

Kajian oleh Nasir Yusoff, Nur Aishah Mohd Taib, dan Aini Ahmad (2011) mendapati bahawa wujudnya komunikasi yang lemah antara pesakit dengan doktor. Responden dalam kajian ini menyatakan bahawa kurangnya penjelasan lanjut dan sokongan dari segi psikologi daripada doktor apabila pesakit mendapati menghadapi kanser. Salah seorang responden mengadu bahawa doktor memberikan tarikh pembedahan membuang payudara sebaik sahaja pesakit disahkan menghadapi kanser payudara. Hal ini menunjukkan seolah-olah bahawa kelemahan sistem pengurusan data hospital menjadi punca kelewatan menerima rawatan kanser payudara.

Kajian oleh Wong, Wong, Low, Khoo, dan Shuib (2008) turut menunjukkan bahawa kurangnya galakan daripada ahli keluarga menyebabkan wanita tidak terdorong untuk menjalani ujian calitan. Tambahan pula, golongan wanita cenderung untuk tidak berbincang dengan pasangan mereka tentang ujian calitan. Bagi ibu-ibu yang tidak menjalani ujian calitan, anak-anak mereka juga cenderung tidak menjalani ujian tersebut. Hal ini bertambah serius apabila pengalaman lepas yang tidak menyenangkan semasa melalui pemeriksaan ujian calitan yang dikongsi oleh ahli keluarga, rakan-rakan atau saudara-mara akan menyebabkan mereka berasa ujian calitan adalah sesuatu perkara yang menakutkan. Dapatlah dikatakan bahawa kurangnya komunikasi antara wanita dengan pakar penjagaan kesihatan menyebabkan golongan ini kurang berpengetahuan tentang ujian calitan yang kemudiannya mengakibatkan mereka tidak menjalani ujian calitan (Wong, Wong, Low, Khoo, & Shuib, 2008).

Oleh itu, komunikasi interpersonal memainkan peranan dalam hubungan antara pendedahan maklumat menerusi media massa dengan kesan persepsi terhadap risiko berkenaan kesihatan diri sendiri dan juga orang lain (Morton & Duck, 2001). Namun begitu, hubungan ini hanya bertepatan dengan individu yang mempunyai tahap pergantungan rendah terhadap surat khabar dalam proses mendapatkan maklumat tentang kesihatan. Walaupun peranan khusus komunikasi interpersonal dengan media massa tidak jelas, rangkaian interpersonal memainkan peranan penting dalam membentuk pergantungan individu terhadap media massa. Tanpa wujudnya rangkaian interpersonal, media massa tidak dapat membawa perubahan yang besar kepada pendapat umum (Valente, Poppe, & Merrit, 1996).

Walaupun terdapat kajian yang membincangkan komunikasi kesihatan, namun tumpuannya terarah pada proses komunikasi antara pakar perubatan dengan pesakit (Khan, Hassali, & Al-Haddad, 2011; Nor Aida Maskor, Krauss, Mazanah Muhamad, & Nik Hasnaa Nik Mahmood, 2013; Norazah Mohd Suki & Norbayah Mohd Suki, 2011; Tan, Hayati Yaakup, Shamsul Azhar Shah, Aida Jaffar, & Khairani Omar, 2012). Oleh

yang demikian, kajian dalam tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks melalui komunikasi interpersonal di Malaysia adalah penting untuk diterokai kerana kajian tentang kanser serviks dalam bidang komunikasi masih sedikit.

Data sedia ada menunjukkan bahawa ujian calitan jarang dijadikan topik perbualan secara terbuka bagi sesetengah penduduk di Malaysia. Hal ini dapat diperjelaskan dengan kajian yang dijalankan oleh KKM (2011a) yang mendapati ujian calitan masih tidak dibincangkan secara terbuka terutamanya dalam kalangan orang Melayu yang menetap di kawasan luar bandar kerana ujian calitan dianggap sebagai tajuk perbualan yang sensitif. Selain itu, jururawat muda yang belum berkahwin yang berkhidmat di Klinik Desa juga berasa malu untuk membincangkan ujian calitan dengan pesakit luar bandar (KKM, 2011a). Oleh yang demikian, hal ini penting untuk dikenal pasti sama ada latar belakang seseorang wanita mempengaruhi tingkah lakunya untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks menerusi komunikasi interpersonal atau tidak.

Kajian yang dijalankan oleh Wong, Wong, Low, Khoo, dan Shuib (2008) menunjukkan wanita dilaporkan mempunyai tahap kebimbangan dan rasa malu yang tinggi sekiranya faraj atau bahagian pelvis mereka diperiksa oleh doktor lelaki. Wanita khususnya wanita Islam berasa lebih selesa sekiranya faraj atau bahagian pelvis diperiksa oleh doktor wanita. Beberapa orang responden berbangsa Melayu menegaskan bahawa mereka hanya akan menerima jika pemeriksaan faraj dikendalikan oleh seorang doktor perempuan. Terdapat juga responden dalam kajian mereka yang menyatakan bahawa suaminya tidak mahu beliau menjalani pemeriksaan itu sekiranya dikendalikan oleh doktor lelaki. Keadaan bertambah buruk lagi sekiranya ada pihak lain yang memberitahu mereka tentang pengalaman negatif semasa menjalani ujian calitan seperti kesakitan ataupun perasaan yang tidak menyenangkan. Dengan ini, penyelidik ingin mengkaji persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan dalam kalangan wanita yang pernah menjalani ujian calitan. Hal ini adalah kerana perasaan kebimbangan dan malu mungkin akan berkurangan terutamanya bagi wanita yang menjalani ujian calitan secara konsisten.

Keputusan berkaitan dengan kesihatan yang dibuat oleh wanita juga cenderung untuk mudah dipengaruhi oleh rakan, saudara-mara atau jiran. Perkara ini disahkan dalam kajian oleh Nasir Yusoff, Nur Aishah Mohd Taib, dan Aini Ahmad (2011) yang menunjukkan bahawa wanita akan mendapatkan rawatan daripada bomoh terutamanya bagi mereka yang mendapat galakan daripada kawan. Mereka akan menerima rawatan daripada bomoh khususnya setelah mengetahui rakannya sembuh tanpa perlunya menerima rawatan perubatan moden. Oleh itu, kajian tentang perkaitan antara saluran sumber maklumat yang pelbagai dengan tindakan berkaitan dengan kesihatan perlu dikaji (Smith-McLallen, Fishbein, & Hornik, 2011). Penyelidikan yang bertujuan mengkaji sumber interpersonal utama yang mendorong wanita untuk menjalani ujian calitan menjadi satu keperluan yang tidak dapat dinafikan lagi.

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan seperti kajian-kajian oleh Nor Hayati Othman dan Matejka Rebolj (2009), Nuradhiathy Abd Razak, Khattak, Yong Zulina Zubairi, Naing, dan Nik Mohamed Zaki (2013), Hesham Rashwan, Ismarlyusda Ishak, dan Nurhidayah Sawalludin (2013), Rima Marhayu Abdul Rashid, Maznah Dahlui,

Majdah Mohamed, dan Dorota Gertig (2013), serta Wong, Wong, Low, Khoo, dan Shuib (2008) tentang kanser serviks di Malaysia, akan tetapi kebanyakan daripada kajian-kajian ini hanya tertumpu pada bidang perubatan sahaja tanpa memberi fokus terhadap perkaitan antara tingkah laku mendapatkan maklumat dengan tindakan menjalani pemeriksaan kanser.

Tambahan lagi, kebanyakan daripada kajian-kajian yang dijalankan pada masa kini lebih berfokuskan liputan berita tentang kanser menerusi media cetak (Abdelmutti, 2009; Fishman, Ten & Casarett, 2010; Hamrick, 2011; Stryker, Wray, Hornik, & Yanovitzky, 2006) dan tingkah laku untuk mendapatkan maklumat menerusi media baharu iaitu Internet (Hether, 2009; Hu, 2007; Shim, 2008). Sedangkan menurut Teori Saluran Pelengkap, seseorang akan menggunakan sumber yang sedia ada untuk memenuhi keperluannya terhadap maklumat tertentu. Individu yang berminat terhadap isu tertentu akan terdorong untuk mendapatkan maklumat yang ingin diketahuinya daripada pelbagai saluran media yang sedia ada.

Oleh yang demikian, wujudnya keperluan untuk menjalankan kajian bagi tujuan mengenal pasti kesan perantaraan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks terhadap perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian seperti yang akan disenaraikan dalam bahagian berikut.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi tujuan menyelidiki masalah yang telah dihuraikan enam persoalan kajian dikemukakan iaitu:

1. Apakah persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan?
2. Apakah tahap penggunaan media massa dan tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks?
3. Apakah tahap penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks?
4. Apakah tahap kepercayaan terhadap sumber komunikasi interpersonal yang digunakan dalam proses mendapatkan maklumat tentang kanser serviks?
5. Adakah terdapat perkaitan antara persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan?
6. Adakah penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks mempunyai kesan pengantaraan terhadap perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai satu objektif umum. Daripada objektif umum ini, enam objektif khusus yang bersesuaian dengan enam persoalan kajian telah dibentuk.

1.5.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks sebagai faktor pengantara terhadap perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan.

1.5.2 Objektif Khusus

Enam objektif khusus yang membentuk kajian ini telah dikenal pasti seperti berikut:

1. Mengetahui persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan.
2. Mengetahui tahap penggunaan media massa dan tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks.
3. Mengetahui tahap penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks.
4. Mengetahui tahap kepercayaan terhadap sumber komunikasi interpersonal yang digunakan dalam proses mendapatkan maklumat tentang kanser serviks.
5. Mengetahui perkaitan antara persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan.
6. Mengetahui kesan pengantaraan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks terhadap perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan.

1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak kerana ia selaras dengan dasar Kajian Pelan Strategik KKM Ke-10 (2001-2015) yang bertujuan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dengan menggalakkan pengambilan langkah-langkah pencegahan menerusi peningkatan dalam pengetahuan berkenaan kesihatan seperti mengamalkan gaya hidup sihat. Oleh yang demikian, kajian dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan khususnya berkaitan dengan pembangunan sosial amat perlu diberikan keutamaan setanding dan setaraf dengan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi. Dengan cara ini, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan dari segi ilmu pengetahuan dan juga untuk manfaat masyarakat.

Dalam konteks perkembangan ilmu, kajian ini dapat memberikan sumbangan ilmiah kepada bidang komunikasi kesihatan. Kajian ini amat penting dalam membentuk pemahaman terhadap tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks menerusi komunikasi interpersonal dalam kalangan wanita di Malaysia. Hal ini kerana kuantiti kajian dalam topik ini adalah sedikit sedangkan isu berkaitan dengan masalah kesihatan sering dibangkitkan. Selain itu, kajian ini juga menguji keberkesanan instrumen dalam konteks Malaysia. Penyelidik mengambil instrumen yang dikemukakan oleh Urrutia (2009) untuk mengkaji persepsi wanita terhadap ujian calitan dan kanser serviks serta faktor yang mendorong untuk menjalani ujian calitan di Malaysia. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat menambahkan kuantiti kajian komunikasi kesihatan dalam konteks Asia kerana kajian tentang kanser serviks di Malaysia lebih fokus kepada bidang perubatan ataupun liputan berita tentang kanser serviks tanpa fokus kepada kesan perantaraan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat kanser serviks terhadap perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi menjalani ujian calitan.

Dari segi teori, Teori Saluran Pelengkap dan Model Kepercayaan Kesihatan dapat dibangunkan dan dimantapkan lagi. Ujian teori dan pembangunan teori memberi peluang kita melihat sesuatu masalah kesihatan dan mengetahui proses komunikasi kesihatan secara luas. Teori Saluran Pelengkap diaplikasikan untuk mengkaji kesan perantaraan penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat terhadap perkaitan antara penggunaan media massa dengan motivasi untuk menjalani ujian calitan kerana teori tersebut mengutarakan individu akan menggunakan lebih daripada satu saluran untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan, manakala Model Kepercayaan Kesihatan diaplikasi untuk mengenal pasti persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan serta motivasi untuk menjalani ujian calitan. Dengan mengaplikasikan teori-teori tersebut dalam kajian ini, maka penjelasan tentang teori berkenaan dapat dimantapkan lagi kerana kajian ini menggunakan kombinasi kedua-dua teori tersebut.

Oleh itu, penyelidik pada masa akan datang dapat lebih memahami pendekatan yang digunakan dalam proses membuat keputusan yang terbaik. Seterusnya, penambahbaikan terhadap teori-teori tersebut dapat ditingkatkan. Penyelidik juga berkeyakinan bahawa hasil kajian ini dapat memberi alternatif kepada pengkaji akan datang dari segi metodologi terutamanya yang berkaitan dengan instrumen kajian.

Kajian ini juga penting kepada pihak perancang dan pelaksana kempen pencegahan penyakit dan promosi kesihatan. Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak perancang kempen terutamanya KKM dalam merangka strategi kempen pencegahan penyakit dan promosi kesihatan yang efektif. Sementara itu, pihak pelaksana kempen juga dapat menggunakan dapatan kajian ini sebagai panduan untuk menyampaikan mesej yang dapat menarik perhatian supaya dapat meningkatkan tahap kesedaran khalayak sasaran tentang kanser serviks.

Hal ini penting kerana mesej tentang kesihatan yang dibekalkan oleh pihak berkenaan bukan sahaja perlu mudah dicapai oleh khalayak ramai tetapi juga mempunyai kualiti yang baik dari segi dapat memenuhi keperluan khalayak tersebut. Tambahan pula, kajian oleh KKM (2011a) mendapati bahawa ujian calitan masih tidak dibincangkan secara

terbuka terutamanya dalam kalangan orang Melayu yang menetap di kawasan luar bandar kerana ujian calitan dianggap sebagai tajuk perbualan yang sensitif, maka hasil kajian Barat berkemungkinan tidak dapat mewakili penduduk di Malaysia disebabkan perbezaan dari segi budaya.

Selanjutnya, penemuan kajian dapat digunakan sebagai pendekatan yang berasaskan bukti untuk merangka dasar kesihatan dan strategi untuk meningkatkan tahap kesihatan menerusi peningkatan keberkesanan dan kecekapan kempen menerusi peningkatan kualiti dan pengurangan kos. Ternyata, hasil kajian ini dapat digunakan sebagai pendekatan berasaskan bukti untuk merangka strategi-strategi meningkatkan tahap kesihatan orang awam. Berdasarkan sebab-sebab yang dibincangkan ini, maka kajian ini adalah penting untuk dijalankan.

1.7 Limitasi Kajian

Limitasi utama kajian ini ialah kajian hanya tertumpu kepada tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks sahaja tanpa mengambil kira tingkah laku mendapatkan maklumat kesihatan yang lain. Hal ini demikian kerana kadar liputan ujian calitan adalah lebih rendah sedangkan ujian calitan ialah satu-satunya cara yang dapat mengurangkan beban kanser serviks dalam kalangan wanita. Tambahan lagi, dengan wujudnya ujian calitan, kadar kematian akibat kanser serviks telah menurun sebanyak 65% bagi negara-negara yang telah lama menyediakan perkhidmatan ujian calitan iaitu lebih daripada 40 tahun, maka ujian calitan dapat mengesan kanser serviks pada peringkat awal yang kemudiannya dapat mengurangkan kadar kematian akibat kanser serviks.

Dari segi teknikal, kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada pengukuran tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks menerusi komunikasi interpersonal. Kajian ini merangkumi tujuh aspek, iaitu faktor demografi, taraf kesihatan, kekerapan menjalani ujian calitan, penggunaan media massa dan tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks, tahap penggunaan komunikasi interpersonal untuk mendapatkan maklumat tentang kanser serviks, tahap kepercayaan terhadap sumber komunikasi interpersonal dan motivasi untuk menjalani ujian calitan. Selain itu, persepsi wanita terhadap kanser serviks dan ujian calitan turut dikaji kerana kemungkinan wujudnya perbezaan persepsi terhadap kanser serviks dan ujian calitan dalam kalangan wanita yang pernah menjalani ujian calitan berbanding dengan kajian lepas yang tertumpu pada wanita tidak pernah menjalani ujian calitan.

Subjek kajian pula terdiri daripada wanita yang pernah menjalani ujian calitan. Hal ini adalah sedemikian disebabkan mereka ialah golongan wanita yang pernah terdedah kepada maklumat tentang kanser serviks dan berkemungkinan terlibat dalam proses tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks. Dapatlah dikatakan mereka menjadi individu-individu yang membuat keputusan untuk menjalani ujian calitan. Di samping itu, kajian hanya tertumpu pada wanita berumur antara 20 hingga 65 tahun

kerana mereka ialah lingkungan umur wanita yang dicadangkan untuk menjalani ujian calitan di Malaysia.

Dari segi lokasi kajian, kajian ini dijalankan di empat buah klinik kesihatan kerajaan yang berada di empat buah daerah berlainan di negeri Selangor. Klinik kesihatan di negeri Selangor dipilih sebagai pusat untuk menjalankan kajian ini disebabkan dua faktor. Pertama, terdapat sekurang-kurangnya tiga buah klinik kesihatan bagi setiap daerah yang memungkinkan penyelidik membuat kesimpulan umum terhadap wanita di negeri Selangor, Malaysia. Tambahan juga, Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2013) menunjukkan bahawa Selangor ialah negeri yang mempunyai penduduk wanita yang tertinggi di Malaysia iaitu seramai 27,813,000. Kedua, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor [JKNS] ialah agensi kerajaan yang utama menyediakan perkhidmatan ujian calitan dan menjalankan kempen-kempen kesedaran tentang ujian calitan.

1.8 Definisi Kata Kunci

Kajian ini mempunyai lima kata kunci yang didefinisikan mengikut konteks kajian berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Definisi bagi kelima-lima kata kunci tersebut diperjelaskan dalam bahagian ini.

1.8.1 Tingkah laku Mendapatkan Maklumat (*Information Seeking Behaviour*)

Menurut Niederdeppe et al. (2007), tingkah laku mendapatkan maklumat ialah usaha aktif untuk mendapatkan maklumat tertentu yang bukannya melalui pendedahan maklumat menerusi media massa. Dengan kata lain, pendedahan maklumat menerusi media massa ialah satu usaha yang pasif. Anker et al. (2011) menyatakan tingkah laku mendapatkan maklumat adalah kompleks kerana ia bukan sahaja melibatkan proses mendapatkan maklumat tetapi juga melibatkan ciri-ciri individu yang ingin mendapatkan maklumat, keadaan persekitaran, konteks, kejadian semasa dan proses mendapatkan maklumat.

Definisi konseptual bagi tingkah laku mendapatkan maklumat dalam kajian ini merujuk kepada definisi tingkah laku mendapatkan maklumat yang diadaptasi daripada Anker et al. (2011) iaitu tingkah laku mendapatkan maklumat merujuk aktiviti yang berorientasikan matlamat dengan berasaskan kepada tujuan untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, kesan pendedahan maklumat secara pasif bukanlah tingkah laku mendapatkan maklumat.

1.8.2 Saluran Maklumat

Definisi konseptual saluran maklumat merujuk kepada mekanisme yang digunakan oleh seseorang dalam proses pencarian (*search*), pemilihan (*select*) dan penerimaan maklumat (*receive information*) (Jansen & Soo, 2010). Definisi operasional mengambil dan

mengadaptasi definisi yang dikemukakan oleh Niederdeppe et al. (2007) iaitu tingkah laku mendapatkan maklumat merangkumi penggunaan media massa untuk mendapatkan maklumat atau menerusi perbualan secara interpersonal. Namun begitu, dalam kajian ini hanya tertumpu kepada komunikasi secara interpersonal iaitu komunikasi yang melibatkan dua orang individu sahaja.

1.8.3 Media Massa

Komunikasi massa dan media massa ialah dua istilah yang mempunyai makna yang berlainan. Komunikasi massa merujuk kepada proses penyebaran maklumat menerusi media massa, manakala media masa merujuk kepada saluran yang digunakan untuk penyebaran maklumat (Potter, 2013). Ali Salman, Faridah Ibrahim, Mohd Yusof Hj.Abdullah, Normah Mustaffa, dan Maizatul Haizan Mahbob (2011) membahagikan media kepada dua jenis, iaitu media tradisional dan media baharu. Media tradisional terdiri daripada surat khabar, televisyen dan radio, manakala media baharu ialah Internet.

Oleh yang demikian, kajian ini membahagikan media massa kepada tiga jenis, iaitu media cetak, media elektronik dan media baharu yang merujuk kepada Internet. Media cetak merangkumi surat khabar, majalah dan risalah berkaitan dengan kanser serviks. Media elektronik pula terdiri daripada televisyen dan radio.

1.8.4 Komunikasi interpersonal

Definisi konseptual komunikasi interpersonal dalam kajian ini merujuk kepada proses mewujudkan hubungan sosial antara dua atau lebih individu (Fisher & Adams, 1994). Komunikasi interpersonal ialah proses interaksi yang berterusan, sentiasa berubah, membentuk diad iaitu interaksi di antara dua orang individu (Gamble & Gamble, 2014). Komunikasi interpersonal memainkan peranan yang unik dan tidak dapat digantikan dalam cabang komunikasi kesihatan kerana pesakit akan mengalami gangguan emosi yang kemudiannya akan mempengaruhi cara mereka berinteraksi dengan orang yang lain (Duggan, 2006).

Dari segi definisi operasional, komunikasi interpersonal sebagai proses pertukaran maklumat dan pembentukan persefahaman antara individu. Definisi tersebut turut digunakan oleh Grube (2010) dalam kajiannya berkaitan dengan perbincangan tentang kanser serviks. Sebagai contoh, perbincangan antara wanita dengan penyedia maklumat dalam konteks klinikal akan mewujudkan perkongsian maklumat antara dua orang individu untuk membentuk satu matlamat yang dipersetujui bersama. Selain itu, komunikasi dari segi kata kerja merujuk kepada tindakan mencapai persefahaman (Grube, 2010). Sebagai contoh, interaksi antara wanita dengan pembekal maklumat menerusi perkongsian cerita peribadi yang berkaitan dengan kesihatan dan kata-kata yang menenangkan hati untuk mengurangkan ketidakselesaan yang berlaku semasa ujian calitan.

1.8.5 Sumber Komunikasi Interpersonal

Menurut Valente dan Saba (1998), sumber interpersonal ialah rangkaian peribadi yang terdiri daripada ahli keluarga, rakan-rakan, rakan sekerja dan lain-lain yang dapat mempengaruhi tingkah laku individu. Dimensi rangkaian peribadi merangkumi persahabatan, sokongan sosial, khidmat nasihat profesional dan sebagainya.

Definisi operasional sumber komunikasi interpersonal dalam kajian ini diadaptasi dan diubahsuai berdasarkan kajian oleh Rutten, Arora, Bakos, Aziz, dan Rowland (2005). Kajian mereka membahagikan sumber komunikasi interpersonal kepada tiga, iaitu ahli profesional, agensi kesihatan dan rangkaian sosial. Ahli profesional terdiri daripada pakar perubatan, jururawat, ahli profesional penjagaan kesihatan serta ahli profesional penjagaan kesihatan lain-lain seperti peguam dan perancang kewangan, manakala agensi kesihatan pula termasuklah pusat panggilan talian, badan kebajikan, organisasi penjagaan kesihatan dan buku rujukan perubatan. Rangkaian sosial merangkumi rakan-rakan, ahli keluarga, kaunselor, kumpulan sokongan, pesakit yang lain dan ahli agama. Oleh itu, penyelidik menambahkan dua item ke dalam senarai sumber komunikasi interpersonal yang dikemukakan oleh Rutten et al. (2005) iaitu rakan sekerja dan jiran yang menjadi sumber interpersonal yang dinyatakan dalam definisi sumber interpersonal oleh Valente dan Saba (1998).

Secara ringkasnya, kajian membahagikan sumber komunikasi interpersonal kepada tiga kategori, iaitu pengamal kesihatan profesional, agensi kesihatan serta rangkaian sosial. Ahli profesional terdiri daripada terbahagi kepada tiga golongan, iaitu pakar perubatan, jururawat dan ahli profesional penjagaan kesihatan seperti ahli farmasi. Pakar perubatan terdiri daripada pengamal perubatan umum, pakar bedah dan pakar sakit puan, manakala agensi kesihatan terbahagi kepada empat kumpulan, iaitu pusat panggilan talian, badan kebajikan, organisasi penjagaan kesihatan dan kaunselor. Seterusnya, rangkaian sosial terbahagi kepada enam kumpulan, iaitu rakan-rakan, rakan sekerja, ahli keluarga, jiran, ahli agama dan pesakit lain.

1.9 Rumusan

Secara ringkasnya, Bab 1 telah membincangkan latar belakang kajian yang bakal dijalankan secara umum. Isu-isu dalam skop kajian telah dibincangkan dalam bahagian pernyataan masalah, maka persoalan kajian diutarakan dengan berdasarkan isu-isu yang telah dibincangkan dan kemudiannya diikuti dengan objektif kajian. Kajian membahagikan objektif kajian kepada dua, iaitu objektif umum dan enam objektif khusus. Bab 1 ini juga membincangkan sumbangan kajian ini kepada bidang komunikasi dan masyarakat. Kajian ini tidak menyelidiki semua aspek berkaitan dengan tingkah laku mendapatkan maklumat tentang kanser serviks, maka skop kajian telah dinyatakan dalam bahagian limitasi kajian. Penyelidik juga menyatakan definisi kata kunci yang memainkan peranan penting dalam kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan literatur.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Md. Nor. (2009). *Statistical methods in research*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.
- Abdelmutti, N. (2009). *Risk messages about HPV, cervical cancer and the HPV vaccine Gardasil: A content analysis of U.S. and Canadian national newspaper and news magazine articles* (Master of Science, University of Waterloo). Retrieved 18 June, 2015, from <https://uwspace.uwaterloo.ca/handle/10012/4480>
- Adler, N. E., & Page, A. (2008). *Cancer care for the whole patient: Meeting psychosocial health needs*. Washington: National Academies Press.
- Ahmad Hashim. (2014). *Panduan analisis data secara efisien: Panduan lengkap berajah untuk menganalisis data*. Selangor: Percetakan Mutalib Uthman.
- Aishah Ahmad Makinuddin., & Osman Ali. (2000). Pengetahuan, sikap dan amalan tentang kanser serviks di kalangan bidan, jururawat desa dan jururawat masyarakat. *Akademika*, 56, 107-119.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211.
- Ajzen, I. (2011). The Theory of Planned Behaviour: Reactions and reflections. *Psychology and Health*, 26(9), 1113-1127. doi:<http://dx.doi.org/10.1080/08870446.2011.613995>
- Ajzen, I. (2012). The Theory of Planned Behavior. In Lange, P. A. M., Kruglanski, A. W., & Higgins, E. T. *Handbook of Theories of Social Psychology* (1, 438-459). London, UK.
- Ajzen, I. (2014). The Theory of Planned Behaviour is alive and well and not ready to retire: A commentary on Sniehotta, Presseau, and Araújo-Soares. *Health Psychology Review*, 1-7. doi:10.1080/17437199.2014.883474
- Ajzen, I. (2006a). *TPB diagram*. Retrieved 22 April, 2014, from <http://people.umass.edu/aizen/tpb.diag.html>
- Ajzen, I. (2006b). *Constructing a TPB questionnaire: Conceptual and methodological considerations*. Retrieved 30 April, 2014, from [http://www.uni-bielefeld.de/ikg/zick/ajzen construction a tpb questionnaire.pdf](http://www.uni-bielefeld.de/ikg/zick/ajzen%20construction%20a%20tpb%20questionnaire.pdf)
- Akhu-Zaheya, L. M. (2007). *Factors influencing health information-seeking behavior of Jordanian patients with cancer* (Doctor of Philosophy, University at Buffalo, The State University of New York). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3262028)
- Ali Salman., Faridah Ibrahim., Mohd Yusof Hj.Abdullah., Normah Mustafa., & Maizatul Haizan Mahbob. (2011). The impact of new media on traditional mainstream mass media. *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, 16(3), 2-11.
- American Cancer Society (ACS). (2011). *Global cancer facts & figures* (2nd ed.). Atlanta: American Cancer Society.
- American Cancer Society (ACS). (2014). *What are the risk factors for cervical cancer?* Retrieved 9 July, 2014, from <http://www.cancer.org/cancer/cervicalcancer/detailedguide/cervical-cancer-risk-factors>
- Ananda Kumar Palaniappan. (2009). *Penyelidikan dan SPSS*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

- Anisah Baharom., & Maimunah Ismail. (2008). Case studies on decision for cervical cancer screening among working women. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 4(2), 173–184.
- Anker, A. E., Reinhart, A. M., & Feeley, T. H. (2011). Health information seeking: A review of measures and methods. *Patient Education and Counseling*, 82(3), 346–54. doi:10.1016/j.pec.2010.12.008
- Antoni, M. H., Lutgendorf, S. K., Cole, S. W., Dhabhar, F. S., Sephton, S. E., McDonald, P. G., Stefanek, M., & Sood, A. K. (2006). The influence of bio-behavioural factors on tumour biology: Pathways and mechanisms. *Nature Reviews Cancer*, 6(3), 240–248.
- Arelis, M. D. P., Holaday, B., & McDonell, J. R. (2015). Factors affecting Hispanic women's participation in screening for cervical cancer. *Journal of Immigrant Health*, 17, 684–695. doi:10.1007/s10903-014-9997-7
- Arief Budiman Abdul Aziz. (2012). *Kanser Pangkal Rahim (Serviks)*. MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia. Retrieved March 19, 2015, from <http://www.myhealth.gov.my/index.php/kanser-pangkal-rahim>
- Arredondo, E. M., Pollak, K., & Costanzo, P. R. (2008). Evaluating a stage model in predicting monolingual Spanish-speaking Latinas' cervical cancer screening practices: The role of psychosocial and cultural predictors. *Health Education & Behavior*, 35(6), 791-805. doi:10.1177/1090198107303250
- Arora, N. K., Hesse, B. W., Rimer, B. K., Viswanath, K., Clayman, M. L., & Croyle, R. T. (2008). Frustrated and confused: The American public rates its cancer-related information seeking experiences. *Journal of General Internal Medicine*, 23, 223–228.
- Asmah Ahmad., & Rosniza Aznie Che Rose. (2011). Peralihan demografi dan kesejahteraan sosial masyarakat Melayu: Suatu perbandingan antara Malaysia dan Kemboja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (1), 115-123.
- Austin, L. T., Farah Ahmad., McNally, M.-J., & Stewart, D. E. (2002). Breast and cervical cancer screening in Hispanic women: A literature review using the Health Belief Model. *Women Health Issues*, 12(3), 122–128.
- Azlan Aziz., Nur Airena Aireen Azman., Adzmel Mahmud., Rosdiana Abd Hamid., & Khairuddin, L. (2013). Socio-Economic Determinants of Pap smear Screening among Married Women in Peninsular Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(3), 186–192.
- Babbie, E. R. (2004). *The practice of social research* (10th ed.). Belmont, CA: Wadsworth. Baer.
- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2010). *Garis panduan pemasaran sosial dalam program promosi kesihatan*. Retrieved June 3, 2014, from http://www.infosihat.gov.my/infosihat/media/garis_panduan/P/pdf/16_promosiKesihatan_BM.pdf
- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011a). *Pelalainan HPV*. Retrieved July 31, 2014, from http://myservik.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=50&Itemid=56
- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011b). *Pap Smear*. Retrieved August 1, 2014, from http://myservik.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=61&Itemid=53
- Bailey, K. D. (1984). *Methods of social research*. New York: The Free Press.

- Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational research: Determining appropriate sample size in research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43-50.
- Bates, M. J. (2002). Toward an integrated Model of Information Seeking and Searching. *New Review of Information Behaviour Research*, 3, 1–15.
- Baze, C., Monk, B. J., & Herzog, T. J. (2008). The impact of cervical cancer on quality of life: A personal account. *Gynecologic Oncology*, 109, 12–14. doi:10.1016/j.ygyno.2008.01.022
- Bensing, J. M., Van Dulmen, A. M., & Tates, K. (2007). Communication in context new directions in cancer communication research. In D. O’Hair, G. L. Kreps, & L. Sparks, *Handbook of Communication and Cancer Care* (pp. 81–91). United States of America: Hampton Press, Inc.
- Bhattacharjee, A. (2012). Social science research: Principles, methods, and practices. *Open Access Textbooks Collection*. Retrieved 30 June, 2014, from http://scholarcommons.usf.edu/oa_textbooks/3
- Bish, A., Sutton, S., & Golombok, S. (2000). Predicting uptake of a routine cervical smear test : A comparison of the Health Belief Model and the Theory of Planned Behaviour. *Psychology & Health*, 15(1), 35–50. doi: 10.1080/08870440008400287
- Bodie, G. D. (2011). The role of thinking in the comforting process: An empirical test of a Dual-Process Framework. *Communication Research*, 40(4), 533–558. doi:10.1177/0093650211427030
- Boster, F. J., Carpenter, C. J., Andrews, K. R., & Mongeau, P. A. (2012). Employing interpersonal influence to promote multivitamin use. *Health Communication*, 27, 399–407. doi:10.1080/10410236.2011.595771
- Boster, F. J., Kotowski, M. R., Andrews, K. R., & Serota, K. (2011). Identifying influence: Development and validation of the connectivity, persuasiveness, and maven scales. *Journal of Communication*, 61, 178–196. doi:10.1111/j.1460-2466.2010.01531.x
- Breaking the silence. (2012, April 22). *The Star*. Retrieved 3 October 2013, from <http://www.thestar.com.my/Lifestyle/Health/2012/04/22/Breaking-the-silence.aspx>
- Brennan, P. F., Downs, S., Casper, G., & Kenron, D. (2007). Project health design: Stimulating the next generation of personal health records. *American Medical Informatics Association: Annual Symposium Proceedings*, 70–74.
- Britigan, D. H. (2009). *Health information sources and health literacy levels of Latinos in a Midwestern Tri-State area* (Doctor of Philosophy in Health Education, University of Cincinnati). Retrieved 18 June, 2015, from <https://etd.ohiolink.edu/>
- Bruni, L., Barrionuevo-Rosas, L., Serrano, B., Brotons, M., Cosano, R., Muñoz, J., Bosch, F. X., De Sanjosé, S., & Castellsagué, X. (2014). *Human Papillomavirus and related diseases in Malaysia*. ICO Information Centre on HPV and Cancer.
- Burak, L. J., & Meyer, M. (1997). Using the Health Belief Model to examine and predict college women’s cervical cancer screening beliefs and behavior. *Health Care for Women International*, 18(3), 251–262. doi:10.1080/07399339709516279
- Calkins, C. A. (2008). *The influence of community context on health plan decisions: A multi-method assessment of community effects* (Doctor of Philosophy, The Pennsylvania State University). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3325892)
- Cancer Research UK. (2013a). *Cancer Stats key facts cervical cancer*. Retrieved January 30, 2013, from

- http://publications.cancerresearchuk.org/downloads/product/CS_KF_CERVICAL.pdf
- Cancer Research UK. (2013b). *Cervical cancer: How to spot the symptoms and reduce your risk*. Retrieved January 30, 2013, from http://publications.cancerresearchuk.org/downloads/product/HM_AP_Cervical_Jan_2013.pdf
- Case, D. O. (2007). *Looking for information: A survey of research on information seeking, needs, and behavior* (2nd ed.). London, England: Elsevier Academic Press.
- Case, D. O., Andrews, J. E., Johnson, J. D., & Allard, S. L. (2005). Avoiding versus seeking: The relationship of information seeking to avoidance, blunting, coping, dissonance, and related concepts. *Journal of the Medical Library Association, 93*(3), 353–362.
- Cervical Cancer Action. (2013). *Global forum on cervical cancer prevention*. Retrieved 3 October 2013, from <http://www.cervicalcancerforum.org/sites/default/files/Global-Forum-on-Cervical-Cancer-Prevention-Meeting-Report.pdf>
- Chee, H. L., Rashidah, S., Shamsuddin, K., & Intan, O. (2003). Factors related to the practice of breast self-examination and pap smear screening among Malaysian women workers in selected electronic factories. *BMC Women's Health, 3*(3). doi: 10.1186/1472-6874-3-3
- Czaja, R., & Clara, M. (2003). The determinants and consequences of information seeking among cancer patients. *Journal of Health Communication, 8*, 529–562. doi:10.1080/10810730390250470
- DeVito, J. A. (2013). *The interpersonal communication book* (13th ed.). United States: Pearson.
- Dimmick, J., Kline, S. L., & Stafford, L. (2000). The gratification niches of personal e-mail and the telephone. *Communication Research, 27*, 227–248.
- Duggan, A. (2006). Understanding interpersonal communication processes across health contexts: Advances in the last decade and challenges for the next decade. *Journal of Health Communication, 11*(1), 93–108. doi:10.1080/10810730500461125
- Dutta-Bergman, M. J. (2006). Community participation and internet use after September 11: Complementarity in channel consumption. *Journal of Computer-Mediated Communication, 11*(2), 469–484. doi:10.1111/j.1083-6101.2006.00022.x
- Dutta-Bergman, M. J. (2004a). Complementarity in consumption of news types across traditional and new media. *Journal of Broadcasting & Electronic Media, 48*, 41–60.
- Dutta-Bergman, M. J. (2004b). Interpersonal communication after 9/11 via telephone and internet: A theory of channel complementarity. *New Media & Society, 6*, 659–673. doi:10.1177/146144804047086
- Dutta-Bergman, M. J. (2005). Developing a profile of consumer intention to seek out additional information beyond a doctor: The role of communicative and motivation variables. *Health Communication, 17*(1), 1-16, doi:10.1207/s15327027hc1701_1
- Dutta-Bergman, M. J. (2006). Media use theory and Internet use for health care. In Murero, M. & Rice, R. E. *The Internet and Health Care: Theory, Research, and Practice* (pp. 83-106). Routledge.
- Epstein, R. M., & Street, R. L. (2007). *Patient-centered communication in cancer care: Promoting healing and reducing suffering*. Bethesda, MD: National Cancer Institute.
- Fainsinger, R. L., Fairchild, A., Nekolaichuk, C., Lawlor, P., Lowe, S., & Hanson, J. (2009). Is pain intensity a predictor of the complexity of cancer pain management?

American Society of Clinical Oncology, 27(4), 25-27. doi: 10.1200/JCO.2008.17.1660

- Fauziah Abdullah., Norlaili Abdul Aziz., & Tin, T. S. (2011). Factors related to poor practice of pap smear screening among secondary school teachers in Malaysia. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 12, 1347–1352.
- Ferlay, J., Soerjomataram, I., Ervik, M., Dikshit, R., Eser, S., Mathers, C., Rebelo, M., Parkin, D. M., Forman, D., & Bray, F. (2013). *Cancer incidence and mortality worldwide: IARC cancer base*. Paper presented at the International Agency for Research on Cancer: GLOBOCAN. Retrieved 24 March, 2014, from http://globocan.iarc.fr/Pages/fact_sheets_cancer.aspx
- Field, A. (2013). *Discovering statistics using IBM SPSS statistic* (4th ed.). Germany: Sage Publication.
- Fischhoff, B. (2011). Chapter 4: Duty to inform. In Fischhoff, B., Brewer, N. T., & Downs, J. S., *Communicating risk and benefits: An evidence-based user's guide* (pp.19-30). Department of Health and Human Services, Food and Drug Administration: US.
- Fisher, B. A., & Adams, K. L. (1994). Awareness of self and the self-concept. In *Interpersonal communication: Pragmatics of human relationships* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Fishman, J., Ten, H. T., & Casarett, D. (2010). Cancer and the media: How does the news report on treatment and outcomes? *Archives of Internal Medicine*, 170(6), 515-518.
- Floyd, K. (2009). *Interpersonal communication: The whole story*. New York: McGraw.
- Forouzanfars, M. H., Foreman, K. J., Delossantos, A. M., Lozano, R., Lopes, A. D., Murray, C. J. L., & Naghavi, M. (2011). Breast and cervical cancer in 187 countries between 1980 and 2010: A systematic analysis. *The Lancet*, 378 (9801), 1461-1484. doi:10.1016/S0140-6736(11)61351-2
- Frank, L. B., Chatterjee, J. S., Chaudhuri, S. T., Lapsansky, C., Bhanot, A., & Murphy, S. T. (2012). Conversation and compliance: Role of interpersonal discussion and social norms in public communication campaigns. *Journal of Health Communication*, 17(9), 1050–1067. doi:10.1080/10810730.2012.665426
- Fries, P. T. (2010). *Complementarity in health information media usage by college students: An application of media complementarity theory in the context of health information* (Master of Arts in Communication, University of Dayton). Retrieved 18 June, 2015, from <https://etd.ohiolink.edu/>
- Gamble, T. K., & Gamble, M. W. (2014). *Interpersonal communication: Building connections together*. United States of America: Sage Publication.
- Gan, D. E. H., & Dahlui, M. (2013). Cervical screening uptake and its predictors among rural women in Malaysia. *Singapore Medical Journal*, 54(3), 163-168. doi:10.11622/smedj.2013047
- Garcés, D. M., & Garcés, D. M. (2006). Applying the Health Belief Model to cervical cancer screening. *CES Medicina*, 20(1), 55–63.
- Giles, M., & Garland, S. (2006). A study of women's knowledge regarding Human Papilloma- virus infection, cervical cancer and Human Papillomavirus vaccines. *Australian and New Zealand Journal of Obstetrics and Gynaecology*, 46(4), 311–315.
- Glynn, C. J., & Huge, M. E. (2014). Applying channel complementarity theory to new and traditional economic media usage patterns of U.S. investors. *Computers in Human Behavior*, 38, 93–99. doi:10.1016/j.chb.2014.05.018
- Gray, S. W., Armstrong, K., Demichele, A., Schwartz, J. S., & Hornik, R. C. (2009). Colon cancer patient information seeking and the adoption of targeted therapy for

- on-label and off-label indications. *Cancer*, 115(7), 1424–34. doi:10.1002/cncr.24186
- Grube, W. (2010). *Talk and backtalk : Negotiating cervical cancer screening among Appalachian women in West Virginia* (Doctor of Philosophy, University of Pennsylvania). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3414227)
- Gu, C., Chan, C. W. H., He, G. P., Choi, K. C., & Yang, S. B. (2013). Chinese women's motivation to receive future screening: The role of social-demographic factors, knowledge and risk perception of cervical cancer. *European Journal of Oncology Nursing*, 17(2), 154–161. doi:10.1016/j.ejon.2012.04.005
- Guvenc, G., Akyuz, A., & Açikel, C. H. (2011). Health Belief Model scale for cervical cancer and pap smear Test: Psychometric testing. *Journal of Advanced Nursing*, 67(2), 428–437. doi:10.1111/j.1365-2648.2010.05450.x
- Guerrero, L. K., Andersen, P. A., & Afifi, W. A. (2014). *Close encounters: Communication in relationship* (4th ed.). United States of America: Sage Publication.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hamrick, C. D. (2011). *Health media in the golden years: How American seniors are using media to communicate with health care product and service providers*. (Master of Arts, Michigan State University). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 1503037)
- Hang-In, N., Jong, M. L., Young, H. Y., Sang, Y. P., Duk-Soo, B., Joo-Hyun, N., Chong, T. P., Chi-Heum, C., Su, Y. K., & Yoon, J. C. (2009). Cervical cancer patient information-seeking behaviors , information needs , and information sources in South Korea. *Support Care Cancer*, 17, 1277–1283. doi:10.1007/s00520-009-0581-y
- Hawkins, R. P., Kreuter, M., Resnicow, K., Fishbein, M., & Dijkstra, A. (2008). Understanding tailoring in communicating about health. *Health Education Research*, 23(3), 454–466. doi:10.1093/her/cyn004
- Hay, J., Harris, J. N., Waters, E. A., Clayton, M. F., Ellington, L., Abernethy, A. D., & Prayor-Patterson, H. (2009). Personal communication in primary and secondary cancer prevention: Evolving discussions, emerging challenges. *Journal of Health Communication*, 14, 18–29. doi:10.1080/10810730902806828
- Hayes, A. F. (2013). *An introduction to mediation, moderation, and conditional process analysis: A regression-based approach*. United States of America: The Guilford Press.
- Hayes, A. F., & Preacher, K. J. (2010). Quantifying and testing indirect effects in simple mediation models when the constituent paths are nonlinear. *Multivariate Behavioral Research*, 45(4), 627–660. doi:10.1080/00273171.2010.498290
- Hesham Rashwan., Ismarulyusda Ishak., & Nurhidayah Sawalludin. (2013). Knowledge and views of secondary school students in Kuala Lumpur on cervical cancer and its prevention. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 14(4), 2545–2549. doi:http://dx.doi.org/10.7314/APJCP.2013.14.4.2545
- Hether, H. J. (2009). *Social media and health: Social support and social capital on pregnancy-related social networking sites* (Doctoral dissertation, University of Southern California). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3389472)
- Hornik, R. C. (2002). Public health communication: Making sense of contradictory evidence. In R. C. Hornik., *Public health communication: Evidence for behavior change* (pp. 1–21). Mahwah, NJ: Erlbaum.

